

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai GST yang dikutip setiap tahun untuk 2015 dan 2016. Apakah kos tambahan berkaitan pentadbiran usaha mengutip GST.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Manakala bagi tahun 2016, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM41.206 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk memantapkan pelaksanaan GST serta meningkatkan pematuhan dan kutipan GST, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM14.5 juta

pada tahun 2016 bagi program Ops Jejak GST, Program Jom Minta Resit GST dan Operasi *Customs Blue Ocean Strategy* (CBOS).